



**JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
(NO. TENDER: KPKT/JPSNP/BPP/T/7/2026)**

(KENYATAAN TENDER)

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya **tiga (3)** bulan semasa tarikh tutup tender bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT *	KELAYAKAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	KERJA-KERJA NAIK TARAF LOJI RAWATAN AIR LARUT RESAP (LTP) DI TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI RIMBA MAS, KANGAR, PERLIS.	Bumiputera T1	i) <u>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)</u> Gred : G5 Sahaja Kategori : B, CE, M & E Pengkhususan : B04, CE21, M15 & E11 DAN ii) <u>Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (CIDB)</u> Gred : G5 Sahaja Kategori : B & CE & M & E DAN iii) <u>Sijil Taraf Bumiputera (STB) (PKK)</u> iv) Kebenaran Khas daripada CIDB untuk Pengkhususan Bidang Kerja yang ditetapkan adalah TIDAK DIBENARKAN	Bahagian Pembangunan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya 28 September 2026 (Isnin) hingga 2 Oktober 2026 (Jumaat)	RM 300.00 Dikehendaki mengeluarkan Pembelian melalui https://ipayment.anm.gov.my/ bagi JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA atas projek KERJA-KERJA NAIK TARAF LOJI RAWATAN AIR LARUT RESAP (LTP) DI TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI RIMBA MAS, KANGAR, PERLIS. (Tidak akan dikembalikan)	Bahagian Pembangunan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya 20 Oktober 2026 (Selasa) 12.00 Tengah Hari

1. TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya **penama** yang ditauliahkan di dalam sijil pendaftaran seperti di syarat kelayakan penyertaan tender sahaja dibenarkan menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak. Petender tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam **PPK, SPKK dan STB**. Petender **WAJIB** membawa sijil pendaftaran asal dan salinan seperti di syarat kelayakan penyertaan tender untuk semakan pendaftaran. (Kebenaran Khas daripada CIDB untuk Pengkhususan Bidang Kerja yang ditetapkan adalah **TIDAK DIBENARKAN**). Petender juga hendaklah membawa **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** yang masih sah sehingga tamat tempoh sah laku dan berstatus **PATUH**. Petender yang hadir lewat dari masa pendaftaran yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Keterangan taklimat dan lawatan tapak adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa Pendaftaran	Sesi Taklimat Bermula	Tempat
22 September 2026 (Selasa)	9.30 pagi – 10.30 pagi	10.30 Pagi	At Lot 5149, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Rimba Mas 02450 Kangar Perlis Koordinat : 6.5993808, 100.2719563

2. PEMBELIAN DOKUMEN TENDER.

- Petender yang ingin membeli dokumen tender diwajibkan membawa **tiga (3) salinan resit pembelian tender dari website ipayment** dan **borang pengesahan kehadiran taklimat dan lawatan tapak** yang telah ditandatangani oleh pegawai dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT (**akan diberi selepas lawatan tapak**).
- Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk atas talian di pautan <https://ipayment.anm.gov.my/> bagi **JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA** atas projek **KERJA-KERJA NAIK TARAF LOJI RAWATAN AIR LARUT RESAP (LTP) DI TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI RIMBA MAS, KANGAR, PERLIS**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran **secara kiriman wang, bank deraf, tunai atau cek tidak akan diterima**.
- Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di Bahagian Pembangunan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100, Putrajaya mulai **28 September 2026 (Isnin) sehingga 02 Oktober 2026 (Jumaat)** semasa waktu pejabat seperti berikut:

LOKASI PEJABAT	WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER (ISNIN HINGGA KHAMIS)	WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER (JUMAAT)
SEMENANJUNG	9.30 AM – 12.30 PM 2.30 PM – 4.00 PM	9.30 AM – 12.00 PM 3.00 PM – 4.00 PM

3. PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER

- Dokumen tender yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Pembangunan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100, Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 20 Oktober 2026 (Selasa)**.
- Jika dokumen tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dihantar melalui pos. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
- Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my dan web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my. Jika terdapat sebarang pertanyaan boleh diajukan ke alamat emel asyikin@kpkt.gov.my.
- *Jenis pendaftaran: T1 – Syarikat 100% milik warganegara.